

# Spektrum @ PSN



Apa yang menarik bulan ini?

Program Jangkau Luar PSN Sebar Luas Sains dan Teknologi ke Pelusuk Negara

1

Familiarization Promosikan Produk PSN

2

PSN Terima Lawatan Rasmi Delegasi Jepun

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

## PROGRAM JANGKAU LUAR PSN SEBAR LUAS SAINS DAN TEKNOLOGI KE PELUSUK NEGARA

Pusat Sains Negara: Program Jangkau Luar PSN adalah program terancang yang diadakan pada setiap tahun. Ia dilaksanakan melalui 4 komponen utama iaitu *Science on Wheel*, *Science on the Move*, Perkampungan Sains dan Kelana Sains. Pelaksanaan program ini amat mendesak terutamanya bagi masyarakat yang tidak berkemampuan dan berkesempatan untuk mengunjungi Pusat Sains Negara selain dapat memberi peluang kepada mereka merasai pengalaman dan cabaran mengeksplorasi sains.

Sepanjang bulan Februari yang lalu, Unit Jangkau Luar PSN telah bergerak ke beberapa lokasi melalui penganjuran Program Kelana Sains dan *Science on the Move*. Program Kelana Sains telah diadakan pada 20 Februari 2013 bertempat di negeri Johor yang melibatkan 100 orang peserta. Program *Science on the Move* pula telah berjaya dilaksanakan selama tiga hari berturut-turut mulai 26-28 Februari 2013 di tiga lokasi iaitu Melaka, Kuala Lumpur dan Terengganu. Jumlah peserta yang terlibat sepanjang program ini berlangsung ialah seramai 500 orang.



Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara  
Kementerian Sains,  
Teknologi dan Inovasi,  
Perstaran Bukit Kiara,  
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401  
W : [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)  
Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

Dalam masa yang sama juga, unit ini terus bekerjasama dengan pihak luar bagi merancang program-program akan datang. Diharapkan semoga hasrat PSN menyebarkan sains dan teknologi ke seluruh pelusuk negara dapat terlaksana.

## FAMILIARIZATION PROMOSIKAN PRODUK PSN

1 Mac 2013 : Pusat Sains Negara telah bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengadakan Program Familiarization. Program tahunan anjuran Pusat Sains Negara ini telah berlangsung pada 27 Februari 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 25 orang peserta daripada IPG Kampus Dato' Razali Ismail.

Penganjuran program sehari ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para guru mengenai perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh Pusat Sains Negara. Tujuannya adalah untuk memudahkan mereka merancang lawatan ke Pusat Sains Negara kepada pelajar-pelajar di sekolah. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada guru-guru Sains dan Matematik daripada sekolah rendah dan menengah serta guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah diberi peluang menyertai program Keajaiban Sains dan *Science Show*. Di samping itu, mereka juga turut dibawa melawat ke galeri-galeri yang terdapat di Pusat Sains Negara.




## PSN TERIMA LAWATAN RASMI DELEGASI JEPUN

1 Mac 2013 : Pada 19 Februari yang lalu, satu kumpulan delegasi daripada Jepun telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Sains Negara. Delegasi yang terdiri daripada 9 orang ini merupakan kakitangan dari *Japan Science Museum Association (JASMA)* dan *Miraikan*, Tokyo. Kehadiran mereka ke Pusat Sains Negara disambut oleh Pengarah Pusat Sains Negara, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli beserta pegawai-pegawai Pusat Sains Negara yang lain.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mengenali Pusat Sains Negara dan menerokai peluang usahasama antara kedua-dua pihak. Selain itu, kesempatan ini juga digunakan oleh kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar idea serta pendapat dalam usaha meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan masyarakat. Di samping itu, mereka juga turut dibawa melawat ke galeri-galeri yang terdapat di Pusat Sains Negara.

Diharapkan semoga dengan adanya hubungan sebegini, Pusat Sains Negara dan pihak delegasi yang mewakili JASMA dan Miraikan dapat bekerjasama pada masa akan datang.

DRAMA BERSIRI  
PLANET KIARA  
(EPISOD 1)  
27 Disember 2012  
TV3



PROGRAM INNOTECH

21 & 28 Februari 2013  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur



CERAMAH  
KESIHATAN  
&  
CERAMAH  
'SAFETY AT WORK'

19 & 22 Februari 2013  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Bayi mengelipkan matanya

hanya sekali atau dua kali seminit

sementara orang dewasa mengelip mata

dengan purata kira-kira 10 kali seminit

## PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

## PAMERAN STAR TREK

13 Disember 2012 - 7 April 2013  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur


PAMERAN  
SPORTS & SPINACH

22 Disember 2012 - 31 Ogos 2013  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

FESTIVAL  
SPORTS & SPINACH

23 - 29 Mac 2013  
Pusat Sains Negara,  
Kuala Lumpur

## JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

RENEWABLE ENERGIES FOR YOUR HOME

Bukan mudah untuk mempertahankan kehijauan namun buku ini memberikan satu jalan penyelesaian mudah untuk mendapatkan kehidupan yang mesra alam. Buku yang dilengkapi dengan arahan mengenai langkah-langkah, gambar serta ilustrasi ini akan menjadi panduan untuk memanfaatkan kuasa angin serta menyerap sumber tenaga solar secara percuma. Kaedah ini pastinya mampu mengurangkan kesan karbon dioksida di samping dapat menjana pendapatan.

## ★ PIANO GERGASI ★



## FUNGSI

Merupakan alat muzik bersaiz besar yang boleh menghasilkan bunyi menarik apabila dipijak mengikut kod-kod tertentu.